

03/06/2002

UiTM tidak kompromi (HL)

Rosniza Mohd Taha

KUALA LUMPUR, Ahad - Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah hari ini menolak saranan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) supaya pusat pengajian itu dibuka kepada semua kaum dan meminta kesatuan itu supaya tidak mengganggu urusan UiTM.

Sambil menegaskan UiTM tidak akan berkompromi dalam soal itu, beliau berkata, status universiti itu sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi yang dikhaskan untuk Bumiputera perlu dikekalkan bagi menjamin keseimbangan pembabitan golongan itu dalam bidang ekonomi dan sosial berbanding bangsa lain.

Katanya, cadangan NUTP itu tidak perlu kerana pelajar UiTM mampu berdaya saing tinggi walaupun tanpa kehadiran pelajar bukan Bumiputera dan hakikat itu terbukti dengan kejayaan graduan universiti itu menceburi pelbagai bidang profesional selepas tamat pengajian.

"Jangan kacau UiTM. Pengurusan UiTM tidak akan bersetuju dengan cadangan itu. Pemilihan pelajar UiTM juga berdasarkan sistem meritokrasi yang mana hanya pemohon dengan pencapaian akademik cemerlang saja diterima.

"Contohnya, syarat kemasukan berdasarkan Sijil Pelajaran Malaysia menetapkan pemohon perlu memperoleh minimum lima kredit termasuk dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Ini bagi memastikan hanya pelajar yang berdaya saing terpilih untuk menghasilkan graduan berkualiti.

"Pelajar UiTM bukan saja mampu bersaing sesama mereka di sini malah ramai juga yang berjaya mengatasi pencapaian akademik pelajar luar negara apabila mereka melanjutkan pengajian di sana. Kebanyakan kursus di universiti ini termasuk perakaunan dan kejuruteraan dipantau oleh badan profesional bagi memastikan pelajar mencapai kriteria yang ditetapkan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas cadangan NUTP semalam supaya institusi pendidikan khas untuk Bumiputera seperti UiTM dibuka kepada semua kaum dengan penetapan kuota tertentu.

Presidennya, Tengku Habsah Tengku Petra berkata, sistem pendidikan negara perlu berubah selaras dengan perubahan masa dan pembangunan ekonomi bagi menjamin pelajar terutama Bumiputera mampu berdaya saing.

Tengku Habsah mengulas laporan akhbar bahawa MRSM di seluruh negara akan dibuka kepada semua kaum mulai tahun depan dengan peruntukan kuota sebanyak 10 peratus.

Sebelum itu, Kabinet memutuskan untuk memperuntukkan 10 peratus kepada pelajar bukan Bumiputera bagi mengikuti Kursus Matrikulasi.

Keputusan itu, yang dibuat pada mesyuarat jemaah menteri Rabu lalu sekali gus menamatkan monopoli Bumiputera dalam program itu sejak diwujudkan hampir 30 tahun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan langkah kerajaan membuka Program Matrikulasi kepada pelajar bukan Bumiputera bertujuan mendedahkan pelajar Bumiputera kepada keadaan hidup sebenar dalam masyarakat pelbagai kaum.

Perdana Menteri berkata, dengan memperuntukkan kuota 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera, maka pelajar Bumiputera akan berpeluang berinteraksi dengan rakan daripada kaum lain.

Dalam pertemuannya dengan Exco Pergerakan Pemuda Umno, Jumaat lalu, Dr Mahathir berkata pelajar Bumiputera tidak boleh terus mengharap kepada hak keistimewaan orang Melayu dalam bidang pendidikan, sebaliknya harus

menerima hakikat bahawa mereka perlu bersaing.

Sebelum itu beberapa pemimpin kaum lain terutama MIC mendakwa pemilihan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berasaskan sistem merit memberi kelebihan kepada pelajar Bumiputera hingga menyebabkan kemerosotan peratusan kemasukan jumlah pelajar bukan Bumiputera.

(END)